

10/07/2003

Johnny bawa nostalgia ke pentas

Suzan Ahmad

BAGI peminat lagu-lagu malar hijau atau evergreen yang sezaman dengannya, judul lagu seperti Dreamy Eyes, Judy Judy, It Keeps Right On A Hurtin' dan

Without You tentu bukan sesuatu yang asing.

Johnny Tillotson, penghibur yang berasal dari Amerika Syarikat juga satu era dengan kumpulan seperti The Beatles dan Elvis Presley akan kembali ke tanah air untuk membuat persembahan.

Gayanya yang tersendiri serta langsung tidak mengubah cara nyanyian semata-mata untuk disesuaikan dengan masa kini membuatkan kumpulan peminatnya masih setia malah mencakupi pelbagai kelompok.

Namun persembahan kali ini cukup istimewa kerana ia dijangka dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga penaung Yayasan

Hepar Malaysia (MLF) sempena malam amal anjuran MLF.

Malaysia bukanlah sebuah negara yang asing buat Tillotson, malah kedatangannya sudah masuk kali ketujuh sejak pertama kali tiba di sini 1997.

Calon anugerah Grammy sebanyak dua kali itu memang terkenal dengan sikapnya yang suka terbabit dengan kegiatan kebajikan. Setakat ini dia pernah membantu memungut dana bagi Tabung Kebajikan Kanak-Kanak Cacat Rotary, mengadakan persembahan untuk penghuni Rumah Chesire dan mengambil

bahagian dalam 'Save The Children Relay Project 1990' di Malaysia.

Justeru, semangat penyayang Tillotson bersinar lagi dengan majlis malam amal anjuran MLF yang bakal diadakan di Hotel Resort Sunway Lagoon pada 13

Julai ini.

Antara perkara yang dipandang serius yayasan itu ialah mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai penyakit hepar yang masih tidak diketahui ramai.

Mereka yang berminat berhibur sambil menderma boleh menghadiri majlis itu dengan tempahan meja pada nilai RM50,000; RM30,000; RM20,000; RM10,000; RM7,000 dan RM5,000.

Maklumat lanjut hubungi talian 03-23003455 (Prema/Ong) atau 03-56305417

(Tabitha).

PIC: Tillotson